



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT JAWATANKUASA KIRA-
KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263/ 2698 6852(DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

24 Mei 2023

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN AHLI-AHLI PAC PARLIMEN PENGGAL KE 15

- I. Saya menyambut baik dan mengalu-alukan pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen penggal ke 15 yang dipilih Jawatankuasa Pemilih semalam.
- II. Semua 12 ahli yang dipilih mempunyai pelbagai latar belakang profesional seperti doktor, peguam dan jurutera serta ada ahli yang mempunyai latar belakang akademik dalam bidang pengurusan, media dan kewangan.
- III. Malah, seorang daripada ahli PAC iaitu Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, adalah mantan Menteri Pengajian Tinggi, dua ahli pula iaitu YB Tuan Sim Tze Tzin adalah mantan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani manakala Datuk Ali anak Biju pula pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli.
- IV. Kehadiran Datuk Seri Dr Noraini sebagai ahli PAC Parlimen ke 15 adalah suatu sejarah buat PAC sendiri kerana beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi PAC daripada April 2019 hingga Mac 2020.
- V. Ia membuktikan bahawa kedudukan dan kredibiliti PAC sentiasa dipandang tinggi di kalangan Ahli-ahli Parlimen.
- VI. Pengalaman ahli-ahli PAC termasuk saya yang pernah menjawat jawatan dalam Kerajaan sudah pasti dapat menjadikan PAC lebih berwibawa serta dihormati dalam memastikan setiap laporan yang dibentangkan mempunyai impak kepada Kerajaan.

- VII. Pada masa sama, peranan PAC sebagai mekanisme semak dan imbang kepada Kerajaan terutama sekali membabitkan dasar kewangan, perolehan serta tadbir urus Kerajaan akan menjadi lebih kritikal.
- VIII. Saya percaya semua ahli-ahli PAC yang baru dilantik akan memberikan kerjasama kepada saya dan YB Wong Shu Qi selaku Naib Pengerusi dalam memastikan PAC dapat memainkan peranannya dengan lebih efektif kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen